



PROGRAM TVET membolehkan pelajar mendalami ilmu kemahiran yang diperlukan oleh industri. - GAMBAR HIASAN

PERKESO PERKASA GRADUAN TVET

Oleh MOHAMAD HAFIZI MOHD. SAID
ekonomiutusan@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Graduan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) bakal menikmati gaji yang lebih baik pada masa hadapan, hasil inisiatif kerajaan yang mahu memperkasa golongan itu.

Meskipun ada graduan TVET berpendapatan melebihi RM2,000 sebulan, namun jumlah itu masih lagi kecil memandangkan majoriti golongan berkenaan bekerja dalam peringkat rendah hingga sederhana.

Menurut Menteri Sumber Manusia, V. Sivakumar, perbezaan gaji bukan sahaja menghalang kerjaya graduan TVET malah mengekalkan persepsi yang rendah terhadap kelayakan TVET.

Katanya, bagi mengatasi isu dari sudut permintaan, kerajaan telah memperkenalkan Program Daya Kerjaya yang menawarkan insentif pengambilan pekerja kepada majikan termasuk yang mengambil graduan TVET, sekaligus membantu mengurangkan kos pengambilan pekerja.

"Dari sudut penawaran, cabaran yang ketara terletak pada jurang maklumat antara graduan TVET dan pasaran pekerjaan, menyukarkan mereka untuk mencari peluang pekerjaan dan mengetahui tahap nilai kemahiran mereka.

"Untuk menangani cabaran ini, Perkeso telah membangunkan *Wage Guide* dan *Career Bridge Tool*, yang menggunakan teknologi dan analisis data untuk memperkasakan graduan TVET dan meningkatkan prospek mereka dalam pasaran pekerjaan," katanya.

Mengulas lanjut, Sivakumar

Pekerjaan	Gaji Permulaan (RM)	Selepas 5 tahun (RM)
Juruteknik Kejuruteraan Elektrik	1,834 hingga 2,806	1,869 hingga 4,067
Tukang masak	1,587 hingga 2,717	1,582 hingga 3,074
Jurukimpal	1,676 hingga 4,120	1,676 hingga 4,581

JADUAL 1: Gaji permulaan dan unjuran julat gaji selepas 5 tahun untuk sampel pekerjaan yang diambil daripada *Wage Guide*.


Kelayakan	Pekerjaan	Jumlah Kekosongan	Tawaran Gaji permulaan (RM) Tahun (RM)	Tawaran Gaji Selepas 5 (%)	Kadar Perubahan
Pemasangan dan Penyelenggaraan Elektrik Tiga Fasa	Juruteknik Kejuruteraan Elektrik	52	2,125.00	2,403.06	11.60
Seni Kulinari	Tukang Masak	253	2,007.91	2,425.35	17.20
Proses Kimpalan Arka Kepingan Logam	Jurukimpal	64	2,039.06	2,304.79	11.50

JADUAL 2: Nama kelayakan, nama pekerjaan, jumlah kekosongan, median tawaran gaji permulaan dan median tawaran gaji selepas 5 tahun dan kadar perubahan untuk pekerjaan yang ditawarkan dalam *MYFutureJobs* setakat Jun 2023.

berkata, usaha memperkasakan graduan TVET dengan pemprofilan gaji menggunakan *Wage Guide* (<https://eiscentre.perkeso.gov.my/wage-guide/>) membantu graduan membuat keputusan tepat dalam kerjaya.

"*Wave Guide* memanfaatkan kecerdasan buatan (AI) dengan menghasilkan graf panduan berkenaan gaji kepada graduan TVET, membolehkan mereka membuat keputusan yang lebih tepat di dalam kerjaya mereka.

"Menggunakan teknik pembelajaran mesin yang mengambil kira faktor seperti umur, pekerjaan, lokasi dan kelayakan, *Wage Guide* menjana profil gaji yang menunjukkan julat gaji yang diramalkan mengikut pekerjaan dan umur," katanya.



V. SIVAKUMAR

Ujar beliau, *Wage Guide* juga memainkan peranan penting dalam memperkasakan graduan TVET terutamanya dalam pasaran pekerjaan yang bergaji rendah mengikut gaji minimum,

RM1,500 sehingga RM2,000.

"Namun, berbekalkan maklumat daripada *Wage Guide*, ia membolehkan graduan untuk berunding mendapatkan gaji yang lebih tinggi berdasarkan kelayakan dan kemahiran mereka sekaligus menghasilkan pepadanan yang lebih baik dengan peluang pekerjaan yang sesuai.

"Menyedari bakal pekerja mempunyai akses kepada maklumat gaji, *Wage Guide* mewujudkan persaingan yang baik di kalangan majikan dalam memberikan tawaran gaji yang lebih baik kepada graduan TVET.

"Ini dapat mewujudkan pasaran pekerjaan yang sihat di mana tumpuan pengambilan pekerja beralih kepada tawaran gaji yang lebih adil dan kom-

petitif," katanya.

Sementara itu, Sivakumar berkata, *Career Bridge Tool* pula memperkasakan hubungan pendidikan dengan pekerjaan selepas melihat terdapat kepentingan untuk menyelaraskan permintaan industri dan pendidikan dengan lebih baik.

Katanya, *Career Bridge Tool* (<https://eiscentre.perkeso.gov.my/career-bridge-tool/>) dibangunkan secara atas talian untuk kegunaan semua, termasuk graduan TVET.

"*Career Bridge Tool* membantu graduan TVET dalam mencari pekerjaan yang sepadan dengan kelayakan mereka.

"Dengan menghubungkan kelayakan dengan kekosongan pekerjaan yang tersedia di *MYFutureJobs*, *Career Bridge Tool* membolehkan graduan TVET meneroka peluang pekerjaan mengikut bidang pilihan mereka dengan memberikan akses kepada pangkalan data yang menyeluruh dalam membantu menunjukkan potensi laluan kerjaya," katanya.

Untuk menggunakan *Career Bridge Tool*, graduan TVET perlu memilih tahap kelayakan dan membuat carian nama kelayakan mereka dan kemudian klik pada butiran jawatan kosong untuk memaparkan senarai kekosongan jawatan yang mengandungi nama pekerjaan, nama majikan, lokasi, jenis kontrak dan juga julat gaji.

Seterusnya graduan TVET boleh memohon jawatan yang mereka minati dengan log masuk ke portal *MYFutureJobs*. Untuk menunjukkan kefungsian *Career Bridge Tool*, kami mengkaji tiga kelayakan TVET yang berbeza dan merekodkan hasil butiran kekosongan jawatan di jadual 2.